

LAWATAN DARI BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM), KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) KE BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI (TSHO), INSTUN

04 November 2025, Tanjong Malim - INSTUN telah menerima Lawatan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ke Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN.

Delegasi NRES seramai 31 orang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) iaitu Tuan Hj. Mohd Azman bin Hj. Mohd Ariffin dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia iaitu Puan Norazian binti Kamaruddin. Kehadiran delegasi NRES telah disambut oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim serta wakil bahagian.

Sepanjang lawatan tersebut, delegasi NRES berpeluang melawat Smart Classroom INSTUN yang baru diwujudkan tahun ini. Mereka juga berpeluang melawat Studio dan Auditorium INSTUN. Seterusnya, delegasi dibawa ke Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) INSTUN. Selepas ucapan aluan Pengarah INSTUN dan taklimat tentang Balai Cerap INSTUN, delegasi dibawa melawat sekitar Balai Cerap TSHO dan delegasi turut berpeluang untuk menyaksikan sendiri cerapan matahari.

Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar oleh delegasi NRES bersama Pengarah INSTUN dan wakil bahagian INSTUN. Terima kasih diucapkan kepada pihak BPSM, NRES atas komitmen yang diberikan sepanjang lawatan tersebut. Semoga lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara BPSM, NRES dan INSTUN.

Berikut dikongsikan beberapa gambar semasa lawatan tersebut





